



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 29

RABU 17 JULAI, 1985.

رابو 28 شوال 1405

PERCUMA

KERAJAAN DYMM SUMBANGKAN US\$250 RIBU KPD. UNIVERSITI AL-AZHAR

KAHERAH. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan derma berjumlah US\$250,000.00 kepada Perpustakaan Fakulti Perubatan, Universiti Al-Azhar Kaherah di sini.

Derma tersebut telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama, Malai Haji Ahmad

Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah kepada Dr. Mohamed Al-Saadi Farhoud, Presiden Universiti Al-Azhar. — Gambar bawah.

Majlis penyampaian derma tersebut telah berlangsung pada hari Ahad 28 Jun lalu bertempat di Pejabat Presiden Universiti Al-Azhar.



Sembah tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima beberapa sembah ucapan tahniah sempena Hari Keputeraan Baginda ke-39 tahun.

Sembah ucapan tahniah itu termasuk daripada beberapa orang pemimpin dunia di antaranya ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakil Alallah Sultan Iskandar, Yang Dipertuan Agong Malaysia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, Duli Yang Maha Mulia Maharaja Hirohito dari Negara Jepun dan Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan dari Republik Korea.

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda telah berkenan mengurniakan satu 'elaun' khas kepada semua pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei mulai 1 Julai 1985.

Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang mengumumkan limpah kurnia itu dalam sabdanya di Perbarisan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-39 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Muizzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi Isnin

DYTM Pengiran Perdana Wazir berangkat pulang

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berangkat pulang dari Kuala Lumpur, Malaysia pada pagi Ahad lepas setelah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-18.

Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah. Juga termasuk dalam rombongan itu ialah Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan serta

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat ke lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan pulang Duli Yang Teramat Mulia ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Ianya di kelolakan oleh Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Juga hadir ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Encik Taufik Mohd. Noor, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam.

MANISNYA IMAN

"TINGGALKANLAH pertengkaran dan berbantah-bantahan, sebab amat sedikit sekali kebaitannya. Hindarkanlah pertengkaran dan berbantah-bantahan, sebab tidak seberapa manisnya, malah ia akan menarik kepada permusuhan dan perselisihan antara sesama saudara." — Hadis Nabi.

Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Muizzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Francois Mitterand, Presiden Republik Perancis bersempena dengan Hari The Taking of the Bastille.

BINTANG KEPUTERAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 20 orang peserta termasuk 10 orang peserta perempuan akan menyertai Peringkat Akhir Pertandingan Bintang Keputeraan Belia, yang akan berlangsung pada hari Jumaat ini, 19 Julai jam 8.30 malam.

Pertandingan yang akan diadakan di Tanah Lapang bekas bangunan Hospital Lama di sini adalah anjuran Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan ke-39 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Ianya di kelolakan oleh Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Sepuluh orang peserta yang terpilih ke peringkat akhir ialah Zulkifli Butir, Jukin Jaafar Ali, Mahmud Ibrahim, Ak Othman Pengiran Damit, Roslin Mohd Daud, Idris Haji Mokhtar, Ak Ismail Pg. Ibrahim, Lokman Haji Yusof, Ak Zaini Pg. Damit dan Mohd Madiman Hanafiah.

Sementara itu, peserta-peserta perempuan pula ialah Noriah Ahmad, Junaidah Haji Abd Hamid, Dk. Kamsiah Pg. Maharie, Mariam Hanifah, Dk Norleha Pg. Maharie, Fatimah Haji Ahmad, Norhayati Jair, Abidah Haji Bungsu, Aisah Haji Bungsu dan Norhayati Mohd. Noor.

Penerbangan Diraja Brunei juga akan menawarkan dua tiket pergi balik kepada johan peserta lelaki dan perempuan ke salah satu destinasi Penerbangan Diraja Brunei.

Pemilihan ke peringkat akhir telah diadakan Jumaat lepas di Pusat Belia yang disertai oleh seramai 60 orang peserta.

Oleh Abdul Karim HAB

lepas di Padang Kawad Pusat Latihan Polis di sini.

Kurnia itu, sabda Yang Amat Mulia sudah tentu mendatangkan kegembiraan yang amat besar bagi semua anggota dan keluarga pasukan polis.

"Maka dengan ini marilah kita dengan tulus ikhlas bersama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia Baginda itu, sebagai bukti yang kita benar-benar menjunjung dan menghargai kurnia Baginda itu maka kita semua mestilah mematuhi dan melaksanakan sumpah setia dan tanggungjawab kita kepada Baginda," sabda Yang Amat Mulia.

Perbarisan hari itu

menurut Yang Amat Mulia bertujuan untuk bersama-sama menyembahkan sembah kesyukuran sempena Hari Puja Usia Baginda yang ke-39 tahun.

Sempena hari yang amat bahagia dan mengembirakan ini semua kita yang mengam-bil bahagian dalam perbarisan ini dan semua rakan-rakan kita anggota Polis Diraja yang tidak dapat bersama-sama di sini akan bersama-nanti membarui sumpah setia kita kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan," sabda Yang Amat Mulia.

"Kita semua mengetahui bahawa Baginda sentiasa mengambil berat dan mengikuti segala kegiatan pasukan dan keseluruhan anggota-anggotanya. Baginda

Lihat muka 16



17 JULAI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM: SAMBUTAN BEGITU MENGGALAKKAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan

dalam majlis penyampaian hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada hari Selasa 23 April yang lalu menandakan bahawa insya-Allah pada tahun ini kita akan mempunyai sebuah universiti dan dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua hasrat yang suci ini sudahpun berada di ambang kenyataan.

Langkah-langkah bagi memulakan kursus-kursus pengajian di peringkat ijazah dalam Fakulti Sastera dan Fakulti Pendidikan sedang rancang dilakukan seperti pemberian borang-borang kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam yang setakat ini sudah melebihi angka seribu orang mengambil borang kemasukan tersebut selain daripada pengubahsuaian suatu bangunan di satu kawasan Gadong untuk dijadikan kampus sementara Universiti Brunei Darussalam. Sambutanannya begitu menggalakkan yang membawa pertanda bahawa wujudnya sebuah universiti di negara ini sangat dialu-alukan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Keperluan tertubuhnya universiti di negara

kita yang seluas 2,226 batu persegi dengan penduduknya seramai 220,000 orang ini bukan semata-mata bagi menampung penuntut-penuntut kita melanjutkan pelajaran di pengajian tinggi yang selama ini kita hantar ke seberang laut tetapi yang lebih penting dan utama ialah kesediaan kita bagi menyelaraskan kehendak rakyat serta penduduk negara ini sesuai dengan kedudukan kita sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat.

Dalam pada itu, hubungannya dengan dasar pendidikan kita yang pada pokoknya bertujuan melahirkan generasi yang berilmu serta beriman yang lengkap dengan sikap dan komitmennya kepada aspirasi nasional negara ini sebagai negara Melayu Islam Beraja lebih bermakna serta berkesan kalau disalurkan melalui pusat pengajian kita sendiri yang setentunya lebih meyakinkan untuk mencapai matlamatnya. Keyakinan ini kita asaskan kepada keterlibatan kita secara langsung dari awal hingga akhir, dalam ertikata dari mula direncanakan hinggalah ke peringkat pelaksanaan dan seterusnya.

Dalam setiap bidang apapun kita lebih yakin kepada sesuatu yang kita rencanakan serta kerjakan sendiri kerana rasa komitmen itu menggerakkan kita untuk lebih bertanggungjawab serta lebih merasakan kewibawaannya di samping keinginan kita untuk menjadikannya suatu yang patut dibanggakan, jadi tidak ada sebab yang munasabah bagi sesiapa saja meragukan kemampuan kita dalam usaha memulakan kursus-kursus peringkat ijazah di Universiti Brunei Darussalam.

Memanglah, buat permulaan Universiti Brunei Darussalam hanya akan menawarkan ijazah Sarjana Muda Sastera dari Fakulti Sastera dan Fakulti Pendidikan tetapi perkembangan bagi memperluaskan jenis-jenis kursus yang lain tentunya akan diambil kira dari satu masa ke satu masa dengan keyakinan bahawa mutu pengajian Universiti Brunei Darussalam dijamin setanding walaupun tidak melebihi tarafnya dengan mutu pengajian universiti-universiti yang diiktiraf.

SAMBUTAN HARI RAYA DIADAKAN DI SANA SINI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa majlis sambutan bersempena hari raya kini masih lagi diteruskan di negara ini.

Baru-baru ini melalui usaha Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan satu majlis jamuan dan penyampian hadiah hari raya kepada mereka yang kurang bernasib baik telah dilangsungkan di Dewan Latihan dan Bimbingan Kanak-kanak Cacat Kampong Pulaie di sini.

Usaha jabatan ini dan Persatuan Putra Seni serta masyarakat umum dalam menjayakan acara itu adalah menampakkan suatu petanda baik Kerajaan dan rakyat negara ini yang sentiasa

mengelingai dan memperdulikan nasib mereka.

Majlis berbentuk hiburan adalah bertujuan untuk memeriahkan orang-orang cacat dan projek tahunan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Ianya telah diserikan dengan beberapa persembahan pentas dari para pegawai Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Persatuan Putra Seni dan kalangan mereka yang kurang bernasib baik.

Majlis sambutan tersebut telah diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada orang-orang cacat oleh tetamu kehormat iaitu Dato

Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan Yang Dimulihkan Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan.

Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) telah mengadakan sambutan Hari Raya bagi Anak-anak Yatim Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Jumaat lepas.

Majlis yang berlangsung di Mess Pegawai itu telah dihadiri oleh lebih 300 orang anak-anak yatim serta ahli-ahli keluarga BAKTI, dan

telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis iaitu Datin Noraini binti Haji Jafaar.

Sambutan tersebut telah diserikan lagi dengan hiburan-hiburan yang berupa nyanyian beramai-ramai, tarian serta permainan-permainan lumba memakai kasut, passing parcel serta 'statue dance' yang diiringi oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Di akhir aturcara ialah penyampaian hadiah kepada anak-anak yatim serta kepada peserta-peserta yang menang dalam acara-acara permainan.

Sementara itu Persatuan Isteri-isteri Pegawai-pegawai Kerajaan (BISTARI) mengadakan sambutan yang sama yang berlangsung di Jerudong Park.

Naik pangkat

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan menaikkan pangkat seorang Mejar dan enam orang Kapten Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mejar Pengiran Dato Hasnan bin Pengiran Ahmad dari Unit Tentera Udara (Sultan Flight) dinaikkan pangkat Pemangku Letenan Kolonel mulai 1 Julai lalu. Beliau telah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejak 25 Mei, 1965.

Sementara itu, enam orang Kapten telah dinaikkan kepada pangkat Mejar bermula 21 Jun, 1985. Mereka ialah 64 Kapten Haji Noordin bin Haji Ahmad dan 68 Kapten Mohd. Daud bin Haji Jamil dari Batalion Kedua, 65 Kapten Mahaleh bin Haji Abd. Majid dan 71 Kapten Haji Jamaludin bin Gafar dari Tentera Laut, serta 68 Kapten Suhaili bin Haji Abang dari Batalion Pertama. Kesemua mereka telah berkhidmat dengan angkatan tersebut sejak 31 Disember 1979.



SUASANA kegembiraan dapat dirasakan oleh kanak-kanak cacat ini apabila menerima hadiah hari raya yang disampaikan oleh YDM Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Belajar dengan gigih demi masa depan

KUALA BELAIT. — Pengerusi Lembaga Tabung Derma Anak-anak Yatim Daerah Belait (LTDAY), Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas menasihatkan anak-anak yatim supaya belajar dengan gigih demi menjamin kehidupan masa depan.

"Anak-anak yatim yang sedang di bangku sekolah, saya penuh berharap supaya mereka tidak akan lalai kepada tanggungjawab terhadap pelajaran-pelajaran kerana dengan hanya mempunyai pelajaran dan pendidikan yang cukup saja akan menjamin masa depan," tegasnya.

MENAFIKAN

Berucap semasa sambutan Hari Raya bagi anak-anak yatim di Kelab Ria Kuala Belait di sini minggu lepas, beliau seterusnya menafikan anggapan bahawa anak-anak yatim tidak mendapat tempat di sisi masyarakat.

Menurutnya, anggapan sedemikian adalah salah, kerana selama ini kebajikan dan kepentingan anak-anak yatim sentiasa dijaga dan diperhatikan dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Bantuan-bantuan serta kemudahan-kemudahan yang

diberikan selama ini jelasnya, sudah cukup membuktikan bahawa nasib mereka sentiasa di mata-matai.

TERIMA KASIH

Seterusnya beliau menyatakan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menyumbangkan derma melalui lembaga tersebut dan berkata bahawa tanpa sokongan dan bantuan serta kerjasama daripada orang ramai sudah tentu usaha-usaha yang berkeajaikan itu tidak akan terlaksana.

Menurutnya lagi LRDAY sentiasa menerima derma-derma daripada orang ramai, syarikat-syarikat, firma-firma, jabatan-jabatan Kerajaan, dan sekolah-sekolah serta badan-badan sukan dan kebajikan.

Setiap tahun menjelang Hari Raya katanya, LRDAY menerima derma setiap hari dan hasil daripada kumpulan kutipan itu dihulurkan kepada anak-anak yatim.

Di akhir majlis, Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin telah menyampaikan hadiah-hadiah Hari Raya kepada kira-kira 200 orang anak-anak yatim di daerah tersebut.



DATO Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan menyampaikan hadiah hari raya kepada mereka yang kurang bernasib baik di majlis tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.



KELIHATAN ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI) ketika menyampaikan lagu Selamat Hari Raya. — Gambar oleh Harun Rashid.

PELITA BRUNEL, Hari Rabu 17 Julai, 1985.

ASEAN yang merupakan pertubuhan serantau di Asia Tenggara yang bersepadu dalam konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali — ZOPFAN, zone of peace, freedom and neutrality — terdiri daripada Indonesia, Filipina, Thailand, Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam memerlukan kerjasama dengan negara-negara ketiga demi mencapai matlamat dalam bidang-bidang yang hendak diteroka.

Hubungan antara ASEAN dengan rakan dialognya dari negara ketiga tambah mengeratkan kedua belah pihak baik di peringkat Kerajaan mahupun di peringkat swasta.

Rencana ini ingin menyorot perhubungan antara ASEAN dengan negara ketiga dalam bidang sosio-ekonomi dan perdagangan serta lain-lain kegiatan yang tidak menyentuh isu-isu politik semasa antarabangsa.

HUBUNGAN DENGAN JEPUN

Melalui dialog ASEAN — Jepun yang telah rapat kali di adakan, kerjasama kedua belah pihak telah dipertingkatkan yang meliputi bidang ekonomi-perdagangan, belia sosio-budaya, ilmu pengetahuan dan teknologi.

Hasil utama yang telah dicapai dalam bidang ekonomi perdagangan setakat ini ialah kesediaan Jepun membantu ASEAN dalam pembangunan projek industri ASEAN (AIPs — ASEAN Industrial Projects).

INDUSTRI

Jepun memberi bantuan kepada industri urea di Aceh yang sudahpun dirasmikan pembukaannya pada bulan Januari 1984. Thailand yang mengendalikannya industri abu soda (ASEAN Rock Salt-Soda Ash Project) juga dibantu oleh Jepun, begitu juga halnya dengan projek kilang tembaga ASEAN yang dikendalikan oleh Filipina.

Dalam bidang industri, Jepun nampaknya memperlihatkan kecenderungan yang kuat terutama hubungan ASEAN — Japan Development Cooperation, ini terbukti dari penanaman modal Jepun yang dianggarkan berjumlah US\$10.5 billion. Kejayaan menarik minat swasta Jepun menanam modal di ASEAN ialah hasil gigih kedua belah pihak dengan mengadakan seminar-seminar berhubung dengan penanaman modal di ASEAN yang dilakukan di Pusat Pemaju ASEAN di Tokyo pada bulan Ogos — September 1982 dan Mac 1983.

Jepun juga telah melatih pegawai-pegawai ASEAN dalam bidang kepakaran energi dengan maksud agar teknologi yang ada di Jepun dapat disalurkan ke ASEAN dalam jangka panjangnya.

PERTUKARAN BELIA

Mengenai dengan belia, Jepun telah memperuntukkan sejumlah kewangan melalui Tabung Dermasiswa Jepun bagi belia ASEAN dalam mana pada tahun 1982 sahaja Jepun telah menyumbangkan sejumlah US\$1 juta yang dibahagi sama rata kepada masing-masing negara anggota ASEAN — iaitu US\$200,000 setiap negara.

Pada umumnya kegiatan tabung ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan masing-masing negara dalam pelbagai bidang sesuai dengan aspirasi negara-negara berkenaan.

Program pertukaran belia yang telah dilancarkan oleh Jepun sejak tahun 1974 hingga sekarang masih lagi berjalan. Tahun 1984 sahaja sejumlah 245 belia ASEAN dan belia Jepun telah sama-sama berkumpul dalam sebuah kapal yang bernama Nippon Maru bagi mengeratkan lagi hubungan belia kedua belah pihak. Buat pertama kalinya Brunei Darussalam menyertai program persahabatan belia ini. Begitu juga halnya dengan program persahabatan untuk abad 21, negara kita telah juga menghantar perwakilan bagi mendedahkan belia ASEAN dalam pertukaran-pertukaran pemikiran masing-masing pihak.

PERDAGANGAN

Mengenai perdagangan, ASEAN ingin menarik perhatian Jepun agar kemudahan dalam pemasaran mata dagangan ASEAN ke Jepun diberi keutamaan. Memang, perkara ini telah pun diatasi dengan cara memperkenalkan GSP — generalized system of preference — kerana dengan adanya keutamaan sistem ini barangan ASEAN mendapat tempat di pasaran Jepun, tapi dalam pada itu had yang masih diketatkan oleh Jepun dalam pelbagai jenis barangan tertentu ASEAN sungguh menyulitkan setengah negara anggota ASEAN. Filipina menghadapi masalah ini terutama dalam mengekspor pisang dan papaya. Indonesia jua merencanakan mengekspor plywood dari jenis kayu keras andainya ada kelonggaran cukai dari Jepun dalam mana kelonggaran ini diberikan kepada Kanada yang mengekspor plywood dari jenis kayu lembut.

Jepun merupakan tempat harapan bagi barangan ASEAN kalau ia berkesudian mengembangkan hubungan perdagangan yang menguntungkan kedua belah pihak semestialah pula Jepun adalah kawan tradisional dalam pembangunan, jadi memperteguhkan kerjasama ASEAN — Jepun sangat perlu.

Jepun memainkan peranan yang positif dalam meningkatkan kemajuan ASEAN baik dalam bidang ekonomi-perdagangan, sosio-budaya

mahupun lain-lain bidang sesuai dengan tekad ASEAN yang mahu mengembangkan tingkat ekonominya.

HUBUNGAN DENGAN AUSTRALIA

Sejauh ini Australia telah menyumbangkan sejumlah Aus \$56.9 untuk program kerjasama ekonomi ASEAN — Australia (ASEAN — Australia Economic Cooperation Programme).

Pelaksanaan projek yang berjalan sekarang seperti Projek Protein, Projek Pengendalian Perikanan, Kajian Teknologi Perikanan dan Projek Pembangunan serta Projek Sisa Bahan Perikanan banyak memberi faedah negara anggota ASEAN.

Memandangkan ASEAN dengan Australia adalah jiran yang berhampiran adalah wajar diadakan hubungan persefahaman rakyat kedua belah pihak dengan cara "people-to-people contacts" kerana pendekatan serupa ini merupakan salah satu pendekatan dalam keinginan ASEAN untuk membentuk kawasan damai, bebas dan berkecuali di rantau Asia Tenggara. Dalam hubungan ini, langkah Australia bagi menyelaras program pertukaran khusus di kalangan pakar-pakar pelbagai ilmu dan teknisyen-teknisyen serta wakil-wakil yang terdiri dari golongan tertentu antara ASEAN — Australia sungguh dialu-alukan kerana melalui pertukaran ini banyak pemikiran-pemikiran penyesuaian dijangkakan timbul.

Dalam bidang perdagangan pula, Australia menerima 7% eksport barangan ASEAN manakala ASEAN pula mengimport barangan dari Australia sejumlah 9%, dan peratus ini kian bertambah dari masa ke semasa. Kalau trend ini berlanjutan, petanda suatu perubahan sikap yang agak baik.

Walau bagaimanapun, hubungan ASEAN — Australia yang dimulakan sejak tahun 1974 ini telah menampilkan kemajuan yang banyak meskipun masih banyak lagi ruang-ruang dagang yang perlu diselaras bersama terutama dalam kerjasama pengluasan bidang media masa.

HUBUNGAN DENGAN NEW ZEALAND

Sejak dialog kelima ASEAN — New Zealand

HUBUNGAN ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA DIALOG

Oleh : Mohd. Salleh Abd. Latif



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Jakarta pada tahun 1984.

diadakan di Manila pada bulan Mac 1981, tidak ada dialog dilakukan selepas itu. Bagaimanapun, beberapa projek telah dilaksanakan dalam bidang pengembalian kawasan kehutanan dengan penanaman pokok-pokok iaitu reforestation serta projek perusahaan ternak.

ASEAN — New Zealand Fellowship Programme yang diadakan di Institute of South East Asian Studies (ISEAS) di Singapura telah diperpanjang tempohnya ke tahun 1986.

Di bidang sains dan teknologi, ASEAN telah merumuskan beberapa cadangan seperti projek 'geothermal energy' dan 'wind energy' dengan meminta bantuan pakar-pakar dalam bidang ini dari New Zealand.

Dalam pada itu rundingan juga akan diperluaskan ke bidang pemasaran barangan ASEAN termasuklah kemungkinan pemotongan tarif cukai yang dikenakan oleh New Zealand terhadap barangan ASEAN.

Walau bagaimanapun, bidang-bidang yang telah disepakati bersama telah mendatangkan hasil kepada kedua belah pihak.

HUBUNGAN DENGAN EEC

Hubungan ASEAN dengan EEC (Kumpulan Ekonomi Eropah) telah berumur lebih sepuluh tahun. Dari tahun ke setahun hubungan ini kian

diperkembangkan selaras dengan persetujuan kerjasama ASEAN — EEC.

Penggunaan GSP — generalized system of preference — bolehlah diperkirakan menguntungkan ASEAN tetapi masih banyak ruang yang perlu ditampung mengenainya sebagai misal ura-ura EEC untuk mengenakan cukai ke atas minyak sayuran.

Kerjasama bidang ekonomi juga dikembangkan dengan pelaksanaan beberapa program yang berhubung dengan penanaman modal secara praktik dalam industri bersifat sederhana. Kerjasama ini diluaskan di peringkat swasta dengan penubuhan bersama Majlis Perniagaan ASEAN — EEC yang ditaja bersama oleh ASEAN-European Chambers of Commerce.

Bidang sosio-budaya serta penerangan juga diteroka seperti pada bulan April 1984 telah dilangsungkan seminar ASEAN-EEC mengenai perhubungan dan kerjasama ekonomi yang diadakan di Jakarta dalam mana wakil-wakil dari negara anggota ASEAN yang bertanggungjawab dalam kerjaya penerangan dan pembangunan ekonomi telah mengambil bahagian untuk berdialog dengan wartawan dari kawasan Eropah. Negara kita telah mengambil bahagian dalam seminar ini dalam mana satu kertas kerja bernama "Peranan Media Massa, Bagaimana Meningkatkan Kepentingan Bersama ASEAN-EEC" telah disampaikan.

Hubungan ASEAN — EEC kian dipertingkatkan selaras dengan kehendak persetujuan bersama yang telah disepakati terutama cara-cara pelaksanaan yang lebih ditekankan dalam citarasa ASEAN-EEC yang diadakan di Williamsburg.

HUBUNGAN DENGAN KANADA

Dialog sulung ASEAN-KANADA dilakukan di Ottawa, Kanada pada 26 — 27 April 1983 yang merupakan kemuncak kepada dialog-dialog yang telah diadakan sebelumnya dalam mana persetujuan kerjasama ekonomi kedua belah pihak telah disepakati.

Dalam bidang pembangunan tenaga manusia, Kanada bersetuju menempatkan beberapa orang pegawai kanan kewangan ASEAN untuk menimba pengetahuan dengan cara mendedahkan mereka itu kepada latihan-latihan praktikal yang bercorak penempatan di pelbagai jabatan yang bersangkutan dengan kewangan di Kanada.

Selain daripada itu pada dasarnya Kanada bersetuju untuk memaklumkan kepada ASEAN tentang teknologi stesen mini-hydroelektrik bagi keperluan di pendalaman dengan pemikiran pengalaman serupa ini dimanfaatkan di rantau ASEAN.

Begitu juga halnya dalam bidang pertanian dan kehutanan di samping persetujuan pada dasarnya Kanada untuk membiayai kunjungan wartawan ASEAN ke Kanada.


HUBUNGAN DENGAN AMERIKA SYARIKAT

Melalui Jawatankuasa Washington ASEAN dengan Filipina selaku negara penyelaras ASEAN telah dilangsungkan beberapa siri dialog. Kerananya ASEAN-Asian Institute of Technology Scholarship Programmes yang didukung oleh Amerika Syarikat berjalan lancar dalam mana setakat ini sejumlah 84 orang telah menyempurnakan kursus masing-masing.

Harapan kita, hubungan ASEAN-Amerika Syarikat ini perlu dipertingkatkan terutama dalam masalah yang mendesak seperti bidang perdagangan, perkapalan dan penerbangan awam di samping mengharapkan persefahaman dan sokongan Amerika Syarikat terhadap sistem ekonomi bebas yang mahu dipertahankan oleh sekumpulan negara-negara membangun termasuklah ASEAN.

PENUTUP

Apapun bentuknya kerjasama yang terjalin antara ASEAN dengan dunia ketiga semuanya dihasratkan bagi kemanfaatan kita semua selaku penghuni rantau Asia Tenggara yang tetap bersepadu dalam konsep kawasan damai, bebas dan berkecuali — ZOPFAN.



KELIHATAN para wakil Negara-negara Dialog yang mengadakan persidangan dengan Menteri-Menteri Luar ASEAN yang diadakan pada 12 dan 13 Julai 1984 di Jakarta.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-285

PUAK BATINIYYAH

Siri kedua belas

gungan yang berat yang awak tanggung di atas ubun-ubun awak."

Kemudian pendakwah yang dilaknat itu berkata lepas seketika kepadanya: "Sekarang awak sudah mengetahui sembahyang, sembahyang itu cuma pangkat pertama yang di bawah, saya akan bawa awak ke pangkat lebih tinggi, maka hendaklah awak tanya dan cari," maka pulan atau yang dundu itu berkata: "Apa yang hendak saya tanya?" Maka berkata pendakwah itu: "Awak tanya darihal awak dan judi?" Maka dia pun bacakan ayat Al-Quran berkenaan arak dan judi dalam Surah Al-Baqarah ayat 219:

"Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya itu ada dosa besar dan (ada pula) beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya." Dan mereka bertanya pula kepadamu (Wahai Muhammad): "Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan?). Katakanlah: "Dermakanlah apa-apa yang berlebih dari keperluan (kamu)." Demikian Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya), supaya kamu berfikir."

Dan Surah Al-Maidah ayat 90 dan 91 yang bermaksud: "'Wahai orang-orang yang beriman bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan

dari pada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (dari pada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil?)". Hendaklah awak ketahui erti keduanya, kerana agama tiada boleh didapati melainkan dengan ilmu, dan dengan tunjuk ajar orang-orang yang mempunyai ilmu berganda-ganda. Adapun arak dan judi yang ditegah Allah dari keduanya ialah Abu Bakar dengan Umar, kerana keduanya menyalahi akan Sayidina Ali Alaihis Salam dan keduanya merampas khalifah tiada diserahkan kepada Sayidina Ali. Tetapi arak yang dibuat dari angur dan dari lain benda, tiadalah haram, kerana dia dibuat dari tanam-tanaman di bumi kemudian pendakwah itu membacakan ayat Al-Quran Surah Al-A'raf ayat 32 yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhisan Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hamba-Nya, dan (demikian juga) benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia, (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat." Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui. Ayat ini dibacakan bagi menipu orang dundu itu.

Kemudian itu berkata erti puasa itu ialah menyembunyikan yakni menyembunyikan pemimpin-pemimpin mereka ketika mereka bersembunyi, kerana takutkan orang-orang zalim, kemudian pendakwah itu membacakan ayat Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 185 bermaksud:

"Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang padanya diturunkan Allah Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk; dan (menjelaskan)

perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah ia berbuka kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu, pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan (juga) supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur."

Dan bagi menipu orang yang dundu itu dibacakan lagi ayat 26 Surah Maryam yang bermaksud: "'Sebab itu makanlah, minumlah dan senangkanlah hatimu. Jika engkau lihat seorang manusia, maka katakanlah: Sesungguhnya aku telah bernazar kepada yang maha pengasih akan berpuasa, dan tiada akan berbicara dengan manusia pada hari ini."

Jikalau dikehendakkan erti puasa itu, meninggalkan makan, nescaya disebutkan dengan ibarat "Falan At'amal Yaum" maka ayat Al-Quran di atas ini menunjukkan bahawa puasa itu ertinya diam, ketika itu orang dundu itu pun bertambah bermaharaja lela dan kufur, dan bersungguh-sungguh berpegang kepada pendakwah yang malaun (dilaknat) kerana pelanggannya suka mendapat sesuatu dengan tiada bayaran, dan orang awam itu seperti lembu, sekalipun ia hidup seribu tahun, kerana perkara itu bersetuju dengan hawa nafsunya. Kemudian pendakwah itu berkata: "Awak bayar sebagai tangga dan jalan sehingga kita mohon daripada maulana (Al-Imam), dan supaya ia gugurkan puasa daripada awak," orang dundu itu bayar 12 wang emas, kemudian pendakwah itu berjumpa kepada Al-Imam mereka: "Ya maulana hamba tuan hamba pulan anu itu telah mengetahui erti puasa menurut hakikatnya betul, maka mohon

dibenarkan dia makan siang hari Ramadan." Maka berkata maulana: "Awak sudah percaya dia telah menyimpan rahsia kita?" pendakwah itu menjawab "Ia saya telah percayakan dia." Maka berkata maulana mereka: "Sekarang sesungguhnya saya telah gugurkan daripadanya puasa maka ia duduk dalam bulan puasa dengan tiada berpuasa."

Kemudian seketika lamanya datang pendakwah yang malaun, dan berkata kepada orang dundu itu: "Sekarang awak tahun tiga darjat, maka sekarang awak hendaklah ketahui taharah, dan apa ertinya? Ketahu erti jenayah dan apa ertinya menurut ta'wil." Maka orang dundu itu berkata: "Sila nyatakan ta'wil-ta'wilnya," berkata pendakwah itu: "Ketahuilah bahawa erti taharah itu suci hati, bahawa orang mukmin suci dirinya, dan orang kafir najis dirinya, kerana tiada boleh disucikan dia oleh air atau lainnya. Dan erti jenayah itu berdamping dengan musuh-musuh Nabi-Nabi, dan imam-imam dan orang-orang yang taat daripada golongan mereka. Bagaimana mani itu najis? Padahal ia asal kejadian manusia, dan ia asas makhluk, maka jikalau bersuci itu suatu perkara agama, nescaya mandi dari berak dan kencing itu lebih wajib, nescaya mandi dari berak dan kencing itu lebih wajib, kerana lebih najis. Tidakkah awak lihat apabila kena najis hujung-hujung kain awak, maka dibasuh hanya ekor kain sahaja, kemudian ia berkata adapun ayat Al-Quran ayat 6 Surah Al-Maidah yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu hingga dua siku dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu hingga dua mata kaki. Jika kamu junub (bersetubuh dengan perempuan) hendaklah kamu mandi. Jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau sudah buang air atau kamu menyentuh perempuan, kemudian kamu tiada memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang suci, maka sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengan

tanah itu. Allah tiada menghendaki buat mengadakan kesempitan bagimu, tetapi menghendaki, supaya mensucikan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu, mudah-mudahan kamu berterima kasih kepada-Nya." Maknanya pada mereka: "Jika kamu jahilkan ilmu batin maka hendaklah kamu belajar dan mengetahui ilmu, dan ilmu itu ialah menghidupkan jiwa dan roh, sebagaimana air menghidupkan badan. Kemudian pendakwah malaun itu menyuruh orang dundu itu membayar upah 12 wang emas, kemudian pendakwah berkata kepada imamnya: "Ya maulana hamba tuan hamba telah mengerti erti taharah dengan sebenar-benar pengertian, dan ini (12 wang emas) korbannya." Maka berkata imam mereka sebagai kelakuan syaitan itu: "Hendaklah kamu sekalian saksikan bahawa saya halalkan bagi dia tiada mandi dari junabah."

Lepas seketika lamanya, pendakwah itu berkata kepada yang dundu itu: "Awak sudah tahu empat darjat, dan tinggal lagi darjat kelima awak belum tahu, sekarang saya hendak bukakan kepada awak, dan itu sebenar-benarnya kebahagiaan awak." Diapun bacakan ayat Al-Quran Surah As-Sajadah ayat 17 yang bermaksud: "Seorang tidak mengetahui, apa yang disembunyikan untuknya di antara bermacam-macam kesenangan, sebagai balasan apa yang mereka telah amalkan."

Maka berkata yang dundu itu: "Silalah beri ilham kepada saya akan erti ayat itu." Berkata pendakwah itu kepadanya: "Awak hendak masuk syurga." Ia menjawab, "Saya suka, dan bagaimana hendak masuk syurga itu?" Pendakwah bacakan kepadanya ayat-ayat Al-Quran lagi: "Awak tahu bahawa perhiasan (Az-Zinah dalam ayat Qui man harrama zinatalah) ialah perkara yang sulit tiada diketahui oleh manusia, dari perkara-perkara perempuan tiada dapat diketahui melainkan oleh orang-orang yang tertentu."

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



CARA mengajak orang pada masuk dalam kumpulan Batiniyyah berkata Ad-Dailami pengarang kitab Qawa'idu Aqa'id Ali Muhammad (Batiniyyah): Cara mengajak orang pada masuk dalam kumpulan Batiniyyah ada berbagai-bagai:

1. Apabila orang jahil dundu itu menerima akan cakap kosong, bagaimana telah lalu sebutannya dan telah termakan dan berkenan di hatinya, mereka berkata kepadanya kamu hendaklah membuat sesuatu korban, sebagai tangga bagi kamu, dan kita akan memohon daripada tuan kita maulana yakni Al-Imam mereka yang akan menggugurkan kewajipan sembahyang daripada kamu, dan meringankan kamu dari keberatan wajib sembahyang itu, dan orang bodoh itu pun membayar 12 paun emas (dinar), maka pendakwah itu berkata kepada imamnya: "Maulana tuan hamba, hamba tuan hamba pulan atau telah mengerti sembahyang dan tujuan sembahyang, mohon tuan hamba, gugurkan wajib sembahyang daripadanya, dan ringankan dia dari keberatan sembahyang itu, dan ini upahnya 12 paun emas," maka berkata imam mereka yang berkelakuan syaitan itu, "saksikan oleh kamu sekalian bahawa aku telah lepaskan dia dari mengerjakan sembahyang." Dia pun membacakan kepadanya ayat Al-Quran Surah Al-A'raf ayat 157 yang bermaksud: "Dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka." Ketika itu datang sekalian ahli kumpulan Batiniyyah itu memberi ucapan selamat kepadanya, mereka berkata kepadanya: "Alhamdulillah telah melepaskan awak dari tang-

Kutipan derma bagi orang-orang pelarian Islam Palestin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Mengutip Derma bagi orang-orang Islam Pelarian Afghanistan, Palestin dan Mangsa Kebuluran, yang ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menjalankan kutipan derma tersebut sejak ianya mula ditubuhkan pada bulan lepas dan akan berjalan selama setahun.

Kutipan yang bertujuan bagi memberi bantuan derma dalam berbagai bentuk ini adalah diharap dapat menolong meringankan bebanan yang mereka hadapi atas dasar semangat ke-Islaman dan cintakan kepada sesama manusia.

Dari itu orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan dengan menyumbangkan derma seikhlas-ikhlas hati bagi tujuan yang berkebaikan ini bolehlah dihantar terus segala apa jua sumbangan kepada Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penolong Pegawai Daerah Belait, Penolong Pegawai Daerah Tutong dan kepada Penolong Pegawai Daerah Temburong.

Derma-derma juga boleh ditujukan kepada Tabung Pelarian/Mangsa kebuluran atau Refugees/Famine Funds, Ac. No. 705 Malayan Bank, Setia dan boleh juga dialamatkan ke P.O. Box 522, Setia atau P.O. Box 7000, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17 Julai, 1985 hingga ke hari Selasa 23 Julai, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
17-20	12.31	3.50	3.51	6.41	6.42	7.52	7.53	4.55	4.41	4.56	6.13	6.14
21-23	12.32	3.49	3.50	6.41	6.42	7.52	7.53	4.56	4.42	4.57	6.14	6.15

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 17 Julai, 1985.

BERTAKWALAH ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Pada hari yang mulia ini di mana kita orang-orang Islam bertakwalah, ada baiknya kita merenung kembali mengenai dengan akhlak dan budi pekerti anak-anak kita zaman ini kerana sebagaimana kita sama-sama dapat menyaksikan akhlak anak-anak muda kita sudah jauh berbeza. Kalau dahulu anak-anak muda mudah ditegur dan mengikut kata-kata orang tua tetapi sekarang nilai-nilai akhlak sudah semakin luntur dan ditinggalkan kerana anak-anak muda berkehendak kepada perubahan-perubahan, sedang dalam mencari perubahan itu mereka senang diserai.

Pada pandangan Islam akhlak adalah merupakan sebagai unsur utama pada menilai buruk baiknya seseorang. Tinggi rendah seseorang dinilai dari takwa orang itu sedang seorang yang bertakwa itu ialah orang yang baik akhlak dan budi pekertinya. Kerana nilai-nilai keharmonian yang bersih adalah menjadi pegangan dan tujuan seorang yang bertakwa seperti maksud sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Selengkap-lengkap iman seseorang mukmin ialah yang lebih baik akhlaknya."

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga diutus untuk membina dan memperbaiki semua akhlak dan budi pekerti bangsa Arab khususnya dan bangsa-bangsa lain umumnya yang pada masa-masa sebelum kelahiran Baginda krisis akhlak telah meneapai pada peringkat serendah-rendahnya. Al-Quran telah membayangkan mengenai dengan akhlak itu. Firman Allah yang tabiinya:



Mendidik dan Mengasuh anak-anak:

TANGGUNGJAWAB IBU BAPA DAN MASYARAKAT

"Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang takwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan." Dan sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Sesungguhnya yang terbaik di antara kamu semua ialah yang terbaik akhlaknya."

Dalam memperkatakan soal kemerosotan akhlak ini ada dua perkara yang patut diambil perhatian. Pertama: Sebab-sebab keruntuhan akhlak dan kedua, cara-cara untuk membaikinya.

Perkara pertama iaitu sebab-sebab keruntuhan akhlak, sebab-sebab ini adalah banyak kerana baik sebab itu dari dalam mahu pun dari luar. Sebab dari dalam ialah anasir dari kalangan suatu keluarga seperti tidak bersefahaman di dalam anggota keluarga itu, sedang kedua ialah anasir-anasir buruk yang didatangkan dari luar yang

selalu ditiru-tiru oleh anak-anak muda. Apabila salah satu sebab ini tidak diambil perhatian maka lahirlah gejala-gejala buruk kepada anak-anak dan ia lebih memburukkan lagi apabila kedua-dua anasir tadi bercantum yang mana melahirkan anak-anak muda yang tidak tetap hala hidupnya dan lepas dari ikatan jagaan keluarga dan masyarakat umum.

Sementara itu perkara kedua iaitu cara-cara membaiki keadaan ini, ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian yang berat iaitu peranan ibu bapa bagi keluarga dan masyarakat umum. Dalam mengasuh dan mendidik anak-anak adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa serta keluarga mengambill langkah yang tegas dalam perkara ini kerana dengan asuhan dan teguran maka anak-anak akan terbiasa mengikut arahan-arahan mereka.

Begitu juga masyarakat

umum lain bertanggungjawab menjaga dan memimpin supaya jalan fikiran dan keulahan anak-anak tidak terkeluar dari adat kebiasaan yang dipakai oleh masyarakat kita. Dalam hubungan ini agama Islam terang-terang menekankan supaya ibu bapa dan mereka yang bertanggungjawab membaiki akhlak anak-anak ini sebagaimana maksud sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Perbaikilah adab (akhlak) mereka (anak-anak kamu itu)."

Dengan adanya perhatian berat oleh pihak-pihak yang disebutkan tadi maka kebaikan akan dapat dicapai dalam membentuk akhlak anak-anak yang sedang merosot masa ini supaya mereka kelak akan menjadi satu angkatan yang berguna dan bertanggungjawab kepada bangsa, negara dan ugamanya. Maksud kita secara khusus ialah anak-anak Islam.

Sifat memucang-mucang dituntut ugama

SYUKUR Alhamdulillah kita telah ditakdirkan menjadi bangsa yang beragama Islam dalam sebuah negara Islam yang menjadi ugama rasmi atau ideologinya. Sebagai bangsa tersebut kita orang-orang Brunei yang keseluruhannya berbangsa dan beradat serta berkebudayaan yang berunsur ciri-ciri keislaman banyak mempengaruhi kehidupan kita. Sebagai salah sebuah negara Melayu yang tertua di Nusantara ini apabila setelah mencapai kedaulatan kemerdekaannya dengan sikap dan dasar sebuah negara Melayu Islam Beraja sudah melambangkan dan menunjukkan betapa mantapnya fahaman berugama di kalangan rakyat dan bangsanya yang keseluruhannya beragama Islam.

Bila disebut orang-orang Brunei apapun jenis, puak dan rumpun keturunannya ia merupakan bangsa Brunei itu sendiri, kerana negara kita bukanlah sebuah negara yang

disifatkan negara berbilang kaum, kerana bangsa yang lain dari puak-puak jati Brunei adalah bangsa yang pendatang yang boleh mengugat kebangsaan negara kita yang disebut bangsa Brunei itu sendiri. Seperti yang dinyatakan awal tadi bahawa banyak adat resam kita berunsurkan keislaman kerana kita orang Islam. Setiap apa jua perbuatan yang akan kita buat selanjutnya diadakan upacara-upacara berunsurkan keagamaan itu seperti majlis-majlis doa selamat, kesyukuran dan lain-lain.

Satu sikap yang wajib kita teruskan ialah sikap memucang-mucang atau bergotong-royong dalam membuat pekerjaan yang berat atau ringan. Sikap tersebut yang telah kita warisi zaman-berzaman ini hampir luntur dan digugat zaman. Kalau dulu-dulu di kampung-kampung khususnya apabila membina rumah ia dibuat secara memucang-mucang,

begitu juga dengan membina teratak untuk majlis perkahwinan, mengambil kayu untuk rumah juga beramai-ramai dan selanjutnya diertikan dengan "Beramu".

